



ADVISORY NOTE NO. 4/2026

PRINSIP PENETAPAN PENGANUGERAHAN KELAS PERTAMA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

PENDAHULUAN

1. Penganugerahan mengikut kelas penganugerahan untuk kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda merupakan satu pengiktirafan terhadap pencapaian akademik seseorang graduan. Ia melambangkan prestasi intelektual dan penguasaan dalam bidang pengajian yang diceburi.
2. Secara tradisinya di Malaysia, kelas penganugerahan dipecahkan kepada penganugerahan Kelas Pertama, Kelas Kedua (Atas), Kelas Kedua (Bawah) dan Kelas Ketiga. Penamaan Kelas ini boleh berbeza mengikut peraturan akademik Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) masing-masing.
3. Penganugerahan graduan Kelas Pertama adalah merupakan satu pengiktirafan khusus kepada graduan yang berjaya mempamerkan kecemerlangan dalam pengajian.
4. Justeru, *Advisory Note* ini dikeluarkan bagi memudah cara keselarasan dalam amalan penganugerahan Kelas Pertama yang dikeluarkan oleh PPT di Malaysia dan menjadi rujukan pelbagai pihak termasuk bakal majikan.

JUSTIFIKASI	KEPERLUAN	PANDUAN	PENETAPAN	KELAS
PENGANUGERAHAN				

5. Penetapan kelas penganugerahan adalah sangat penting sebagai mekanisme terhadap kawalan kualiti kelayakan bagi menilai tahap pencapaian akademik graduan secara holistik.
6. Antara isu-isu penganugerahan Kelas Pertama adalah seperti berikut:

- i. **Inflasi Gred**

Sistem gred pemarkahan perlu selari dengan penetapan Kelas Pertama dan berdasarkan kepada tahap taksonomi kursus yang direka. Ini adalah untuk memastikan bahawa tidak berlakunya Inflasi Gred, yang

menyebabkan pelajar mudah untuk mendapatkan gred yang tinggi disebabkan nilai tukaran markah kepada gred, dan nilai tukaran gred kepada Nilai Gred Kumulatif (NGK) yang tinggi.

ii. **Penetapan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang rendah**

Penetapan PNGK yang rendah akan menyebabkan nilai Kelas Pertama PPT berkenaan akan merosot serta menyebabkan kehilangan kepercayaan daripada pihak berkepentingan.

iii. **Bilangan Graduan Kelas Pertama yang terlalu ramai**

Graduan yang memperolehi Ijazah Kelas Pertama adalah merupakan di kalangan pelajar terbaik kohort berkenaan serta berprestij, dan ini seharusnya dibuktikan dengan bilangan graduan Ijazah Kelas Pertama yang sewajarnya.

7. Kawalan kepada Kelas Penganugerahan ini diperlukan untuk membolehkan graduan yang dihasilkan dipercayai oleh pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara. Justeru itu, terdapat keperluan supaya prinsip-prinsip umum berkaitan dengan penetapan Kelas Penganugerahan diperjelaskan di dalam *Advisory Note* ini.

PRINSIP PANDUAN PENETAPAN KELAS PERTAMA

8. PPT perlu memastikan bahawa penilaian setiap kursus dijalankan mengikut aras taksonomi yang telah dirancang. Ini akan dapat memastikan bahawa pelajar akan dapat menguasai tahap kognitif, psikomotor dan afektif yang bersesuaian dengan kelayakan dan bidang yang diambil. Penilaian pada tahap kesukaran yang sepatutnya mengikut silibus akan membolehkan hanya pelajar yang berjaya menguasai tahap kesukaran yang sepatutnya sahaja yang akan mendapat gred yang tinggi.
9. Penetapan Kelas Pertama yang berasaskan kepada PNGK berdasarkan perkara berikut:
- i. menggunakan nilai titik ambang Kelas Pertama yang setara dengan markah minimum 75% iaitu lazimnya gred purata A-; dan
 - ii. minimum 3.75.
10. Memandangkan penetapan Kelas Pertama ini adalah berdasarkan kepada pencapaian keseluruhan program, maka adalah tidak wajar bahawa sebarang nilai PNGK yang diterima pelajar untuk dibundarkan bagi tujuan menaikkan penganugerahan kepada Kelas Pertama.

11. PPT yang menjalankan program luar negara atau kampus cawangan luar negara perlu membuat penetapan berdasarkan polisi negara yang berkaitan.

TINDAKAN JAMINAN KUALITI OLEH PPT

12. PPT adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa proses penjajaran konstruktif telah berlaku untuk setiap program dan pelajar telah dinilai mengikut tahap taksonomi yang telah dirancang dan diluluskan untuk tujuan akreditasi. Ini akan memastikan bahawa tiada sebarang Inflasi Gred berlaku.
13. Sebarang kaedah penetapan yang digunakan oleh PPT untuk penganugerahan Kelas Pertama perlu dibuat proses penandaarasan dan semakan kepada titik ambang kelas penganugerahan perlu dibuat sekiranya didapati tidak mencapai praktis lazim di dalam dan di luar negara.

PENUTUP

14. *Advisory Note* mengenai prinsip penetapan kelas penganugerahan Ijazah Sarjana Muda ini diharapkan dapat menjamin ketekalan penganugerahan oleh PPT. Langkah strategik ini bertujuan untuk memastikan setiap penganugerahan yang diberikan oleh PPT adalah di atas dasar tanggungjawab dan akauntabiliti yang tinggi.
15. Inisiatif ini juga akan memperkukuh keyakinan bakal majikan, pihak industri dan masyarakat terhadap kualiti graduan. Secara tidak langsung, pengiktirafan yang sewajarnya ini akan membantu para graduan memperoleh pekerjaan pada tahap yang setimpal dengan pencapaian akademik mereka.
16. PPT, badan pembiaya pendidikan dan badan profesional yang berkaitan mempunyai autonomi untuk menetapkan nilai titik ambang yang bersesuaian dengan keperluan urusan mereka.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
7 JULAI 2026

RUJUKAN

Malaysian Qualifications Agency. (2017). *Code of Practice for Programme Accreditation* (2nd ed.).

Malaysian Qualifications Agency. (2019). *Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning* (2nd ed.).

Malaysian Qualifications Agency. (2023). *Guidelines to Good Practices: Assessment of Student Learning* (2nd ed.).

Malaysian Qualifications Agency. (2024). *Malaysian Qualifications Framework (MQF)* (2nd ed.).

Malaysian Qualifications Agency. (2025). *Institutional Quality Audit Framework (IQAF)*.